Penjajaran Semula Fungsi Pengawalan dan Penyeliaan

Pada dekad kebelakangan ini, landskap kewangan domestik dan global telah mengalami transformasi yang signifikan ekoran kuasa globalisasi, kemajuan dalam teknologi maklumat dan komunikasi, inovasi dan liberalisasi kewangan serta trend yang lebih menjurus ke arah orientasi pasaran. Perkembangan dalam sektor kewangan telah meningkatkan akses kepada perkhidmatan kewangan, menambah baik penyampaian perkhidmatan dan meningkatkan kepelbagaian dalam instrumen kewangan. Pada masa yang sama, perkembangan ini juga telah membawa kepada pertindihan aktiviti antara pelbagai jenis peserta dalam sistem kewangan. Dalam persekitaran yang sedang pesat berubah dengan kemunculan risiko yang baru, usaha untuk mengekalkan kestabilan kewangan menjadi bertambah rumit dan mencabar. Dengan perkembangan sistem kewangan yang memudahkan proses pembangunan dan transformasi ekonomi, dan dengan peningkatan trend ke arah penyahkawalseliaan dan orientasi pasaran yang lebih meluas, pengawal selia berhadapan dengan cabaran-cabaran yang baru bagi memastikan institusi dan pasaran kewangan terus berfungsi secara berkesan. Dalam hal ini, selain mengekalkan kestabilan kewangan, pembangunan infrastruktur kewangan, pembinaan kapasiti institusi kewangan, peningkatan keupayaan kewangan pengguna dan juga pematuhan terhadap amalan pasaran yang saksama turut menjadi bidang tumpuan pengawal selia kewangan.

Dalam konteks ini, Bank Negara Malaysia terus menilai semula strategi dan keupayaan dalamannya untuk memastikan ia sentiasa berkesan dalam mencapai matlamatnya, khususnya dalam menggalakkan kestabilan monetari dan kewangan bagi menyokong proses pertumbuhan ekonomi. Lantas, untuk berada pada kedudukan yang strategik bagi membolehkannya bertindak balas secara berkesan terhadap landskap kewangan yang berubah-ubah, Bank Negara Malaysia telah mengkaji semula fungsi pengawalan dan penyeliaan sektor kewangannya secara menyeluruh bagi memastikan sistem kewangan berfungsi dengan teguh dan efisien. Oleh itu, tujuan penjajaran semula fungsi pengawalan dan penyeliaan Bank Negara Malaysia adalah untuk memudahkan pendekatan yang lebih bersepadu dan menyeluruh dalam pengawalan dan penyeliaan sektor kewangan, di samping meningkatkan pemahaman tentang dinamik jalinan antara pelbagai sektor. Matlamat seterusnya adalah untuk menggalakkan pengharmonian rangka kerja pengawalan dan penyeliaan merentas pelbagai sektor, dengan mengambil kira keunikan dan tahap pembangunan industri berkenaan. Penjajaran semula ini juga bertujuan memastikan pendekatan yang berkesan dan bersepadu dalam penyeliaan amalan pasaran, dan untuk meningkatkan keupayaan pengguna serta penilaian tukar ganti *(trade-offs)* antara matlamat yang bersaing. Penjajaran semula fungsi pengawalan dan penyeliaan juga akan menggalakkan lebih integrasi dan kesepaduan dalam pengurusan sumber Bank Negara Malaysia.

Kajian semula yang menyeluruh tentang amalan yang terbaik bagi pendekatan pengawalan dan penyeliaan dijalankan dengan mengambil kira keunikan ciri dan fasa pembangunan serta pembangunan masa depan sistem kewangan Malaysia. Dalam hal ini, fungsi pengawalan telah dijajar semula berasaskan tugas fungsian dan dengan itu berbeza daripada pemisahan tanggungjawab mengikut sektor. Penjajaran semula fungsi penyeliaan juga telah dilakukan bagi membolehkan lebih tumpuan diberikan terhadap proses penyeliaan dan akauntabiliti yang lebih besar dalam penilaian risiko berhemat mikro. Walau bagaimanapun, pelaksanaan penjajaran semula ini tidak meliputi Jabatan Kewangan Pembangunan dan Enterpris. Fungsi dan struktur yang sedia ada di Jabatan Kewangan Pembangunan dan Enterpris akan terus tertumpu pada usaha mempermudah persekitaran yang membolehkan pembangunan perusahaan kecil dan

sederhana, dan untuk memupuk institusi kewangan pembangunan pada tahun-tahun permulaan mereka dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Proses penjajaran semula telah membawa kepada pembentukan jabatan-jabatan baru melalui orientasi semula, rasionalisasi dan penyelarasan yang besar dalam peranan dan fungsi jabatan-jabatan yang sedia ada. Khususnya, tanggungjawab fungsian Jabatan Pengawalan Bank dan Jabatan Pengawalan Insurans telah diselaraskan menjadi lima buah jabatan baru, iaitu Jabatan Pembangunan Sektor Kewangan, Jabatan Pemantauan dan Pengawasan Kewangan, Jabatan Dasar Kewangan Pruden, Jabatan Konsumer dan Amalan Pasaran dan sebuah unit pentadbiran sokongan, iaitu Unit Sokongan Pengawalan dan Penyeliaan.

Fungsi pembangunan strategik bagi sektor perbankan dan insurans kini digabungkan menjadi **Jabatan Pembangunan Sektor Kewangan (PSK)**. PSK bertanggungjawab terhadap pembangunan sektor perkhidmatan kewangan yang progresif, termasuk penggalakan institusi kewangan yang mampan dan teguh, dan penambahbaikan infrastruktur kewangan yang bertujuan merangsang industri kewangan domestik yang berdaya saing, yang dapat memenuhi keperluan ekonomi yang berubah-ubah.

Tidak kurang pentingnya ialah pengukuhan keupayaan dan kapasiti Bank Negara Malaysia untuk mengenal pasti dan mengukur secara berkesan risiko serta kelemahan yang mungkin terdapat dalam sistem kewangan, dan menilai implikasinya atas perjalanan sistem kewangan, dan atas kestabilan kewangan. Kini tanggungjawab ini dipikul oleh **Jabatan Pemantauan dan Pengawasan Kewangan (PPK)**, yang diamanah untuk menjalankan pengawasan berhemat makro dan membuat penilaian terhadap trend dan kelemahan yang muncul dalam sistem kewangan secara menyeluruh dan bersepadu. Ini akan memudahkan perumusan dasar dan langkah-langkah meringankan risiko bagi memperkasakan keteguhan dan daya tahan sistem kewangan. Dengan terbentuknya PPK, mekanisme kerjasama dalam Bank Negara Malaysia juga diorientasi semula bagi memudahkan penilaian yang lebih baik atas risiko yang berpunca daripada perkembangan domestik dan antarabangsa terhadap kestabilan dan perjalanan sistem kewangan secara keseluruhan. Jabatan ini juga bekerjasama rapat dengan penyelia bagi memastikan penilaian risiko menggabungkan perspektif berhemat makro dan mikro sebagai sebahagian daripada rangka kerja pengawasan keseluruhannya. Di samping itu, PPK juga bertanggungjawab mempertingkatkan potensi biro kredit dalam proses pengawasan melalui penggudangan data yang teguh dan keupayaan menganalisis yang lebih kukuh. Ini termasuk kajian semula liputan dan ketepatan data biro kredit bagi mempertingkatkan lagi nilai telahan dan keberkesanan dalam pengurusan risiko dan proses pengawasan.

Keperluan terhadap pendekatan pengawalseliaan yang lebih konsisten merangkumi semua sektor dalam sistem kewangan adalah ketara berikutan inovasi kewangan yang semakin hebat, wujudnya saluran pengedaran baru dan pengenalan peserta-peserta baru yang menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan yang lebih inovatif dan kompleks. Pengharmonian dasar yang meliputi semua sektor dan produk adalah penting untuk memberi layanan pengawalseliaan yang saksama bagi mengelak daripada berlakunya arbitraj pengawalseliaan, dan bagi mengurangkan beban pengawalseliaan dan kos pematuhan. Maka dalam konteks ini, fungsi dasar berhemat bagi sektor perbankan dan insurans telah disatukan di bawah **Jabatan Dasar Kewangan Pruden (DKP)**. DKP akan melaksanakan pembangunan rangka kerja berhemat yang kukuh dan teguh bagi institusi kewangan yang menggalakkan pengharmonian dan penjajaran layanan pengawalseliaan meliputi semua sektor dan produk yang mempunyai

keserupaan fungsi, di samping memudahkan pendekatan penyeliaan berasaskan risiko yang lebih bersepadu.

Dengan pembangunan sistem kewangan yang lebih pelbagai, lebih kompleks dan canggih, perhatian yang nyata diberikan untuk meningkatkan rangka kerja celik kewangan dan amalan pasaran di Malaysia. Ini penting kerana ia bertujuan membolehkan pengguna membuat keputusan berdasarkan maklumat yang mencukupi dengan yakin berkaitan hal ehwal kewangan mereka. Pengawal dan penyelia juga memainkan peranan yang lebih besar dalam penyediaan jaringan keselamatan yang bertujuan memastikan pengguna mendapat layanan yang saksama. Oleh itu, maklumat yang mencukupi dan akses kepada produk dan perkhidmatan kewangan, yang disokong oleh pengawasan pengawalseliaan yang kukuh serta proses mendapat pembelaan yang berkesan, akan menyumbang ke arah pewujudan keseimbangan kuasa yang bersesuaian antara pelanggan dengan penyedia perkhidmatan mereka. Penubuhan **Jabatan Konsumer dan Amalan Pasaran (KAP)** bertujuan meningkatkan lagi fokus terhadap usaha yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia dalam meningkatkan keupayaan kewangan pengguna dan memperkukuh amalan pasaran yang bersesuaian, dan layanan yang saksama kepada pengguna oleh penyedia perkhidmatan kewangan dan pengantara kewangan. Sejajar dengan mandat jabatan ini untuk memelihara kepentingan pelanggan dan menggalakkan pematuhan terhadap amalan pasaran yang saksama, penyeliaan pengantara kewangan kini diletakkan di bawah KAP. Jabatan ini juga bertanggungjawab atas pengawalseliaan amalan pasaran bagi pasaran borong kewangan yang terletak di bawah kawal selia Bank Negara Malaysia.

Wawasan untuk mewujudkan industri perkhidmatan kewangan Islam yang memberangsangkan, inovatif dan berdaya saing di Malaysia telah menyebabkan usaha dan fokus yang khusus dilakukan bagi memperteguh kedudukan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa *(Malaysia International Islamic Financial Centre, MIFC)*. Dalam hal ini, **Jabatan Perbankan Islam dan Takaful** juga telah diperkemas bagi memastikan fokus yang sedemikian, di samping mewujudkan persekitaran yang diperlukan melalui penambahbaikan regim pengawalseliaan, bagi menyokong ciri-ciri unik sistem kewangan Islam secara berkesan. Jabatan ini juga bertanggungjawab memperkukuh pembentukan dasar berhemat yang relevan bertujuan menggalakkan keteguhan dan kekukuhan industri kewangan Islam.

Jabatan Sistem Pembayaran juga telah dirasionalisasikan dan ditukar nama kepada **Jabatan Dasar Sistem Pembayaran** yang memberi tumpuan pada pembangunan dasar dan strategi untuk menggalakkan keselamatan dan kecekapan sistem pembayaran dan instrumen pembayaran dalam negara serta memacu inisiatif perpindahan kepada e-pembayaran. Rasionalisasi itu juga bertujuan mencapai sekatan dan imbangan yang lebih besar antara dasar sistem pembayaran dengan operasi, sejajar dengan amalan terbaik antarabangsa.

Tanggungjawab bagi memastikan keteguhan dan kekukuhan institusi-institusi kewangan terletak kepada jabatan-jabatan penyeliaan. Sehubungan dengan itu, fungsi penyeliaan Bank Negara Malaysia dijajarkan semula selari dengan matlamat utama untuk membangunkan, mempertingkatkan dan melaksanakan rangka kerja pengawasan yang berkesan bagi memastikan keselamatan dan keteguhan institusi kewangan, serta bagi menggalakkan amalan perniagaan dan operasi yang teguh. Dalam hal ini, fungsi mentadbir akta yang berkaitan dengan perbankan, insurans, takaful dan sistem pembayaran telah dipindahkan ke jabatan penyeliaan yang berkenaan bagi membolehkan akauntabiliti utama terhadap keteguhan institusi kewangan dijajar dengan lebih baik dengan kuasa untuk membuat keputusan. Sektor penyeliaan membantu memupuk kestabilan

dan kekukuhan sistem kewangan melalui pemantauan keselamatan dan keteguhan bank-bank, penanggung insurans, pengendali takaful dan institusi lain di bawah kawal selia Bank Negara Malaysia serta menggalakkan secara aktif penerimapakaian amalan terbaik antarabangsa dalam tadbir urus korporat dan pengurusan risiko. Konsisten dengan matlamat ini, sektor penyeliaan kini merangkumi Jabatan Penyeliaan Konglomerat Kewangan, Jabatan Penyeliaan Perbankan, Jabatan Penyeliaan Insurans dan Takaful, dan Jabatan Penyeliaan IT dan Institusi Kewangan Pembangunan (IKP).

Jabatan Penyeliaan Konglomerat Kewangan diamanah untuk menyelia setiap konglomerat kewangan, manakala **Jabatan Penyeliaan Perbankan** melaksanakan penyeliaan atas bank perdagangan sendirian, bank pelaburan sendirian dan kesemua bank Islam termasuk subsidiari perbankan Islam bagi bank-bank domestik. Tanggungjawab bagi memastikan keteguhan dan kekukuhan penanggung insurans dan pengendali takaful (termasuk penanggung insurans semula dan pengendali takaful semula) terletak di bawah **Jabatan Penyeliaan Insurans dan Takaful**. Unit Penyeliaan Sistem Maklumat kini ditukar nama kepada **Jabatan Penyeliaan IT dan IKP** bagi mencerminkan peningkatan peranannya dalam menyelia institusi kewangan pembangunan, pengendali sistem pembayaran dan penerbit instrumen pembayaran, selain bertanggungjawab menyelia sistem maklumat bagi kesemua institusi di bawah kawal selia Bank Negara Malaysia.

Meskipun pendekatan penyeliaan khusus mengikut sektor dikekalkan, rangka kerja pelaporan matriks telah diterima pakai untuk penyeliaan institusi kewangan yang merupakan sebahagian daripada konglomerat kewangan. Langkah ini diambil supaya pendekatan bersepadu dalam penyeliaan dan penilaian profil risiko boleh dilaksanakan secara berkumpulan meliputi sektor perbankan dan insurans. Struktur baru sektor penyeliaan juga menyediakan asas yang perlu untuk penyeliaan bersepadu yang berkesan apabila Bank Negara Malaysia menerima pakai rangka kerja yang lebih universal atas seluruh industri kewangan dalam pendekatan penyeliaannya, dan melangkah ke arah penyeliaan berasaskan prinsip dan terbeza.

Aktiviti perbankan yang bertambah kompleks, kemunculan faktor-faktor risiko baru dan perubahan berterusan dalam landskap kewangan telah meningkatkan lagi keperluan terhadap peranan kepakaran risiko kewangan yang boleh menilai risiko di peringkat institusi kewangan dan seluruh sistem. Bagi tujuan itu, unit-unit risiko khusus berkaitan risiko kredit, pasaran, operasi dan insurans ditubuhkan dalam jabatan penyeliaan untuk menyokong sektor pengawalan dan penyeliaan. Kesemua unit tersebut menyediakan input teknikal melalui pemantauan dan penelitian terhadap perkembangan dan trend risiko dalam sistem kewangan untuk menyokong pembentukan dasar, fungsi penyeliaan, dan juga pengawasan berhemat makro terhadap amalan pengurusan risiko.

Sebagai sebahagian daripada usaha keseluruhan untuk menjajarkan sumber Bank Negara Malaysia dan membolehkan jabatan-jabatan lebih berfokus strategik, satu unit sokongan pentadbiran khusus, iaitu **Unit Sokongan Pengawalan dan Penyeliaan** telah ditubuhkan bagi menyediakan perkhidmatan pentadbiran berpusat dan sokongan pengurusan pengetahuan di samping menyelaraskan inisiatif pembelajaran/pembangunan bagi memastikan jabatan-jabatan pengawalan dan penyeliaan berfungsi dengan berkesan.

Struktur organisasi baru bagi sektor pengawalan dan penyeliaan berkuat kuasa pada 27 November 2006. Perubahan terhadap struktur organisasi diiringi dengan proses dalaman yang diperkemas bagi mencerminkan struktur aliran kerja dan pelaporan baru. Mekanisme kerjasama

yang relevan antara jabatan dalam Bank Negara Malaysia juga telah dipertingkatkan bagi memastikan penyelarasan yang lancar dan berkesan serta mengurangkan risiko yang mungkin muncul daripada perubahan ini. Pelaksanaan penjajaran semula itu membolehkan pendekatan pengawalan dan penyeliaan yang lebih menyeluruh, bersepadu dan terfokus dan seterusnya memperkukuh keupayaan Bank Negara Malaysia untuk mencapai matlamat dan hasil yang dihasratkan dengan berkesan.

Jadual 1: Struktur Organisasi

